

29 NOV 1996

Asean - Sidang

PEMIMPIN ASEAN MULA TIBA BAGI SIDANG KEMUNCIAK TIDAK RASMI

JAKARTA, 29 Nov (Bernama) -- Para pemimpin Asean mula tiba di sini hari ini bagi menghadiri sidang kemuncak tidak rasmi yang diadakan buat kali pertama.

Mesyuarat sehari tanpa sebarang agenda khusus itu akan membincangkan isu-isu utama seperti kemasukan Myanmar ke dalam Asean.

Myanmar mengemukakan permohonan untuk menjadi anggota Ogos lalu dan bersedia menyertai pertubuhan serantau itu bersama Kemboja dan Laos tahun depan.

Ketua Majlis Pemuliharaan Undang-undang dan Ketenteraman Negara Myanmar (SLORC) Jen Kanan Than Shwe berkata setibanya di sini semalam bahawa lawatannya memperkukuhkan hasrat kerajaan dan rakyat Myanmar untuk berintegrasi ke dalam Asean".

Di samping Myanmar, mesyuarat mungkin membincangkan antara lain isu perjanjian zon bebas senjata nuklear Asia tenggara, Laut China Selatan, kerjasama ekonomi di Lembangan Mekong dan mesyuarat peringkat menteri Pertubuhan Perdagangan Dunia di Singapura bulan depan.

Di tengah-tengah suasana tenang dalam Bilik Lotus di Jakarta Hilton, pemimpin Asean akan bertukar-tukar pandangan sambil bersarapan pagi sebelum menemui pemimpin ketiga-tiga negara yang bakal menjadi anggota ASEAN.

ketika para pemimpin ASEAN berbincang, rakan sejawatan mereka dari Kemboja, Laos dan Myanmar akan melawat Sekretariat Asean. Mereka kemudian akan makan tengah hari bersama pemimpin ASEAN dan meneruskan perbincangan pada sebelah tengah hari.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dijadualkan tiba di sini malam ini.

Menteri Luar Datuk Abdullah Ahmad Badawi, Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri Datuk Seri Rafidah Aziz dan Duta Besar Malaysia ke Indonesia Datuk Zainal Abidin Alias ialah antara 22 anggota delegasi Malaysia.

Dr Mahathir dijadual mengadakan persidangan media pada akhir sidang kemuncak tidak rasmi itu sebelum pulang.

Thailand, yang mengadakan pilihan raya baru-baru ini akan diwakili oleh Timbalan Perdana Menteri Amnuay Virawan. -- BERNAMA

TM FAZ